

TENIAT

(Jurnal Antarabangsa 'Creative Futures' dan Warisan)

Jilid I	Bil. 2	ISSN 2289-4527	DISember 2015
<hr/>			
A Grasp on The Nature of Lundayeh Through Their Traditional Dance Culture			1
CHONG LEE SUAN			
Accidents in Mining and Quarry Sites: Rate of Occurrences and Causes			23
NURAZLINA ABD RAHMAN MUHAMMAD ARIFFIN MANSOR AHMAD RASDAN ISMAIL			
Multimedia Fusion dalam Perisian Penceritaan Interaktif Visual bagi Aplikasi Sains Peringkat Prasekolah			33
ROBIATUL A'DAWIAH JAMALUDDIN HALIMAH BADIOZE ZAMAN			
Analisis Formalistik dalam Memaknai Simbol Budaya Melayu Abstrak			49
LIZA MARZIANA MOHAMMAD NOH HAMDZUN HARON JASNI DOLAH			
Improving Chassis Frame for Eimarace 2014 Ts131 Racing Car by Using Hypermesh Analysis			73
WAN AMIRUDDIN WAN MUSTAPHA BADIUL ZAMAN MD ZAIN MUHAMMAD SHAH RUL KAMARUDDIN			
PEMBANGUNAN KOMIK PENDIDIKANSEBAGAI SOLUSI KEPADA STIGMA SOSIAL PEMBACA MALAYSIA: ISU, ELEMEN DAN IMPLIKASI			85
FARAH NADIA AZMAN SYAMSUL BAHRIN ZAIBON NORSHUHADA SHIRATUDDIN			



TENIAT

(Jurnal Antarabangsa 'Creative Futures' dan Warisan)

Jilid I

Bil. 2

ISSN 2289-4527

DISEMBER 2015

Islamic Perspective Exploratory Review: Creative Multimedia Technology as an Innovative Tool for Da'wah Dissemination	99
MOHAMAD FAUZAN NOORDIN IRMA PAMMUSU SHUHADA SULONG NUR NAZIHAH RAHIM	
Potensi Kitar Semula Bahan Buangan Plastik bagi Penghasilan Produk Kreatif	113
MD KHAIRIL HAFIZI MUHAMAD AHMAD RASDAN ISMAIL AB AZIZ SHUIB	
Masa Depan Karya Seni Media Baru	123
JASNI DOLAH	



TENIAT

(Jurnal Antarabangsa 'Creative Futures' dan Warisan)

Jilid I

Bil. 2

ISSN 2289-4527

DISember 2015

Lembaga Penasihat / Advisory Board

Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed/ Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan

Prof. Madya Ab. Aziz Shuaib/ Dekan Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

Ketua Editor / Editor-in-chief

Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Rasdan Ismail

Editor / Editor

Prof. Madya Ab. Aziz Shuaib

Profesor Abdul Jamal Abd Hamid

Profesor Dr. Haron Daud

Engr. Dr. Khairul Azhar Mat Daud

Dr. Nik Zulkarnaen Khidzir

Dr. Suriatini Ismail

Jawatankuasa Saintifik / Scientific Committees

Profesor Ulung Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Universiti Kebangsaan Malaysia

Profesor Emeritus Datuk Paduka Dr. Zuraina Majid, Jabatan Warisan Negara, Malaysia

Profesor Dr. Rahmah Bujang, Universiti Malaya, Malaysia

Profesor Dr. Edwin Wieringa, Universiti Cologne, German

Profesor Dr. D Michelle Addington, Universiti Yale, United State of America

Profesor Dr. E Ulrich Kratz - SOAS, University of London, United Kingdom

Profesor Dr. Koh Young Hun , Universiti Hankuk, South Korea

Profesor Dr. M J Marijke Klokke, Universiti Leiden, Belanda

Profesor Dr. Arndt Grass, Univeriti Frankfurt, German

Profesor Dr. Sohail Inayatullah, Tamkang University, Taipei, Taiwan

Profesor Dr. Thomas Alfred A. Bauer, University of Vienna, Austria

Profesor Dr. Achaditi Ikram, Universiti Indonesia, Indonesia

Dr Antonello Fusetti, Scuola Politecnica di Design di Milano, Itali

Dr Subhan Afifi, Universitas Veteran, Jogjakarta, Indonesia

Dr. Annabel Teh Gallop - British Library, United Kingdom

Dr. Mohamad Saleeh Rahamad, Persatuan Penulis National (PENA)/ Universiti Malaya, Malaysia

TENIAT



PEMBANGUNAN KOMIK PENDIDIKAN SEBAGAI SOLUSI KEPADA STIGMA SOSIAL PEMBACA MALAYSIA: ISU, ELEMEN DAN IMPLIKASI

FARAH NADIA AZMAN *
SYAMSUL BHRIN ZAIBON **
NORSHUHADA SHIRATUDDIN ***

Abstrak

Sebagai warisan seni tanah air yang tidak ternilai, sebilangan besar pelan tindakan bagi mengangkat martabat komik di Malaysia telah direalisasikan oleh pelbagai pihak. Namun begitu, masih wujud stigma negatif terhadap komik di kalangan masyarakat. Bagi menyokong usaha pembangunan komik pendidikan sebagai salah satu solusi memantapkan sokongan umum terhadap media visual ini, artikel ini mengkaji elemen utama dalam komik pendidikan yang disenaraikan mengikut kategori berbeza. Ini bertujuan untuk mengenalpasti bagaimana unsur pendidikan diintegrasikan dalam komik. Hasil kajian didapati selari dengan dua klasifikasi umum komik *instructional* yang dinyatakan oleh pelopor seni komik antarabangsa, Will Eisner iaitu komik pendidikan dengan kandungan bersifat fakta dan kandungan untuk pembentukan sikap. Analisa juga merumuskan bahawa komik pendidikan berpotensi menjadi medium pilihan primer di kalangan kanak-kanak dan remaja kerana kandungannya memenuhi perkembangan intelektual dan kehendak emosi golongan tersebut. Artikel ini turut mengupas kepentingan menjalankan penyelidikan lanjutan bagi memantau sejauh mana komik pendidikan diterima pembaca dengan kerjasama warga industri komik negara.

Kata Kunci: Komik, Warisan, Komunikasi visual, Media pendidikan, Stigma sosial.

* Pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
* Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia & Komunikasi, Universiti Utara Malaysia
* Pensyarah di Universiti Utara Malaysia

Abstract

As the invaluable artistic heritage of the motherland, a large number of action plans to raise the prestige of comics in Malaysia has been realized by various parties. However, there is still a negative stigma against comics in the societies. To support the development of educational comic as one of the solutions to strengthen public support for visual media, this article examines the key elements in comic education listed according to different categories. It aims to identify how the educational elements are integrated in comic. The findings appear consistent with two general classifications of instructional comic expressed by the international pioneers of comic arts, Will Eisner as the educational comic with factual contents and contents for the formation of attitudes. The analysis also concludes that the educational comic embraces the potential to become the primary choice among the children and adolescents as the content meets the intellectual and emotional needs of these groups. This article also explains the importance of conducting further research to monitor the extent of comic education being received by comic readers under the collaboration of activists from the comic industries in the country.

Keywords: Comics, Heritage, Visual communication, Media education, Social stigma

* Pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

* Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia & Komunikasi, Universiti Utara Malaysia

* Pensyarah di Universiti Utara Malaysia



1.0 Latar Belakang

Komik merupakan media visual yang tidak asing lagi di kalangan rakyat Malaysia. Revolusi komik bergerak seiring dengan kemajuan teknologi dan kehidupan masyarakat. Komik dianggap sebagai istilah induk merangkumi pelbagai jenis bahan bacaan berbentuk seni berturutan (*sequential art*) yang boleh terdiri daripada buku komik, novel grafik, keratan komik dan lain-lain lagi (Yildirim, 2013). Pendedahan kepada pelbagai jenis komik mengikut peredaran zaman melahirkan generasi yang meminati komik dengan citarasa yang unik di Malaysia.

2.0 Isu Dan Penyataan Masalah

Di sebalik penerimaan komik sebagai medium sastera dan seni yang sah, stigma sosial berbaur negatif terhadap komik masih boleh dikesan (Lopes, 2006). Malah, diskriminasi terhadap komik menyebabkan penggemar komik sendiri berasa kurang selesa berkongsi minat mereka di khalayak umum (Ziolkowska & Howard, 2010). Kritikan merangkumi segi bahasa, nilai, persembahan, budaya dan imej sedikit sebanyak memberi impak di mana komik selain dipandang sebagai bahan jenaka dan *escapism* semata-mata. Salah satu sebab mengapa wujudnya sentimen sedemikian adalah berpunca dari kegagalan pembaca sendiri menyelami mesej positif di sebalik kisah lucu, tragis, kembara, dan sebagainya dimuatkan dalam komik tersebut.

Amat mendukacitakan apabila siri komik terunggul seperti *Komikoo*, *Rileks*, *Urban Comics*, *Rock*, dan banyak lagi tidak mampu kekal di pasaran perdana. Barisan majalah komik tersebut bukan sahaja melawan arus semasa tempatan malah jelas menghidangkan banyak komik dengan kualiti seni yang memukau, jalan cerita yang mencabar, perwatakan yang serius dan mendalam, skrip yang mantap dan sebagainya. Tambahan pula, beberapa komik yang disenaraikan turut menawarkan peraduan dengan hadiah lumayan.

Walaupun demikian, sambutan dari pembaca majoriti sukar diperoleh. Kualiti bagaikan ditewaskan oleh pembeli yang tidak mahu melabur perbelanjaan untuk naskah komik atas pelbagai faktor. Salah satunya, pembeli bahan bacaan seolah-olah belum bersedia mengubah persepsi mereka terhadap komik. Adalah menjadi cabaran kepada pengkarya komik menghadapi sentimen pembaca majoriti yang sukar memahami bahawa komik sebenarnya merupakan khazanah seni yang penuh makna, berharga untuk dimiliki dan ditatap berulang kali.

Stigma sosial berlanjutan apabila sumber laporan berkaitan komik mencalar sensitiviti penduduk tempatan dari segi agama (Laila, 2012 ;"Ultraman The Ultra", 2014). Berita yang tercetus, disebar secara luas dan disensasikan ini bukan sahaja berada di luar kawalan penggiat tegar komik tanah air, malah mampu menjadi faktor tercemarnya imej komik di mata khalayak umum. Sentimen dan generalisasi akibat dari laporan yang kurang menyenangkan berupaya menjejaskan jualan komik tempatan apabila golongan ibubapa dan pengajar tidak lagi menggalakkan anak-anak membaca mahupun membeli komik. Ini berikutan kebimbangan mereka terhadap warga muda yang berisiko terdedah kepada unsur negatif seperti dilaporkan melalui akhbar.

3.0 Sejarah Dan Solusi

Berdasarkan senario yang dijelaskan, kajian ini menyokong usaha pembangunan komik pendidikan sebagai salah satu solusi dalam menangani stigma sosial terhadap komik. Ini berikutan negara-negara barat dan timur sudah lama menggunakan kartun sebagai medium terpenting; sebagai contoh komik berkenaan ekonomi ("Pameran", 2015).

Hakikatnya, unsur pendidikan telah lama wujud dalam komik Malaysia, meskipun komik tersebut bukan berpusatkan pembelajaran. Mulyadi (2007) menyatakan bahawa bagi membangkitkan nilai moral dan pengajaran, banyak cerita rakyat dan sastera tradisi Malaysia telah dipersembahkan dalam format komik. Sebagai contoh, siri Perwira Mat Gila karya Rejabhad menyelitkan pengajaran berkaitan amalan seorang Muslim dan perihal rumahtangga manakala siri Abe karya Aie membawa pembaca menyelami dan menghormati golongan istimewa. Di samping itu, peristiwa sejarah dapat dipelajari melalui komik Dang Anum dan Tun Fatimah karya Zaharudin Sarbini manakala siri Malaysia Meriah karya Boy PJ sarat dengan maklumat budaya dan tradisi penduduk tempatan. Beberapa episod dalam siri 4 Bujang Lapok karya Rasyid Asmawi dan 3 Dara Pingitan karya Cabai ada menyelitkan kisah cabaran dihadapi kaum Melayu untuk bertapak dalam bidang perniagaan.

Golongan pendidik juga hakikatnya mempunyai banyak peluang untuk memanfaatkan komik dalam sistem pendidikan (Yang, 2008) secara tidak formal. Komik dwibahasa siri *Na Zha The Another Story* karya Ah Tuck dan komik loose karya Genesis berpotensi diaplikasikan sebagai sumber alternatif dalam mata pelajaran Bahasa Cina. Komik berlatarkan sekolah dan institusi pengajian tinggi secara halus boleh digunapakai sebagai alat motivasi kepada golongan muda untuk mengharungi alam persekolahan dan universiti hasil dari sketsa dan gelagat seronok dipaparkan menerusi komik. Pengalaman tersebut dirasai misalnya melalui siri Budak Hostel karya Ubi, Siswi karya Leen Mafia, Student Life karya Sireh, Shah Shawati karya Amir Astar, English 123 karya Long dan banyak lagi di samping berperanan sebagai sumber untuk pembaca dewasa mengimbas nostalgia masing-masing. Kolum bulanan dalam majalah komik Gila-gila yang mencabar pembaca merekabentuk peralatan baru menggunakan pekakas harian dan bahan kitar semula telah menjana kreativiti dan dayacipta di kalangan peserta sejak sekian lama.



Dalam perkembangan itu, Dato' Lat bukan sahaja terlibat dalam penghasilan komik yang jelas mencerminkan unsur dakwah iaitu siri Ayuh Ke Masjid (Lent, 2014), malah komik Kampung Boy karya kartunis tersohor ini secara rasminya diiktiraf sebagai bacaan sastera di sekolah peringkat antarabangsa (Nor Azleenda, 2012). Komik Menuju Jalan Allah dan Anakku..Kenalilah Allah karya Rossem merupakan antara adaptasi penulisan dakwah yang terawal dalam bentuk novel grafik. Selain itu, fenomena sosial, ekonomi dan politik disentuh dalam ruangan komik Cuit-cuit karya Nudin (Saniah, 2008). Gaya hidup kelompok masyarakat tempatan mengikut zaman dapat diperhatikan melalui siri Lagak A.Mahmud karya Fatah, siri Bersama Selamanya karya Gayour, Felda Di Bumi Permata karya Kobis Bunga, keratan komik Senyum Skot dan kesemua karya Dato' Lat. Seni simbolik ini bertindak sebagai senjata politik, kemasyarakatan, ekonomi, dan budaya disampaikan dalam bentuk sindiran dan humor (Puteri Roslina, 2006: 12). Buku Mahathir Mohamad: An Illustrated Biography karya E.Yu pula antara usaha memberangsangkan dalam mendidik pembaca mengenali ketokohan pemimpin melalui komik biografi.

Kebanyakan komik sedia ada mempunyai nilai ilmiah yang tersurat mahupun tersirat. Elemen ini antara banyak isu berkaitan bidang komik di Malaysia yang turut dibangkitkan selain daripada persoalan hakcipta, kos pencetakan, pengedaran dan pemasaran, persaingan komik import, identiti tempatan ("Identiti Melayu", 2013), digitasi komik, bahasa (Aswany, 2012) serta konflik lain. Ekoran daripada itu, secara tidak langsung, adakalanya penelitian intipati pendidikan di sebalik penceritaan dalam komik sama ada tenggelam atau kurang diberi perhatian awam. Natiujahnya, komik tetap dianggap sebagai bahan hiburan kosong oleh segenap individu. Disebabkan amalan membaca majoriti rakyat Malaysia yang terhad kepada tujuan pembelajaran (Nor Shahrizah & Amelia, 2007 ; Inderjit, 2014), komik yang berpayungkan label pendidikan atau dakwah terhasil bagi meyakinkan pembeli bahawa komik tersebut bermanfaat untuk mereka. Maka, usaha untuk penggiat komik mendekati golongan ini boleh dilaksanakan melalui komik pendidikan.

Peningkatan pesat majalah dan komik kanak-kanak dengan pasaran seluas £136 juta setahun di United Kingdom (Mintel, 2008) menyaksikan komik yang berpaksikan pembelajaran lebih mudah diterima orang ramai. Tindakan pemilik gedung buku menyediakan lebih banyak ruang untuk komik kanak-kanak (O'Leary, 2013) memberi tanda bahawa kandungan komik yang mesra kanak-kanak berteraskan pendidikan mempunyai permintaan tinggi. Memandangkan kuasa membeli majalah berada di tangan golongan dewasa (Siti Ezaleila & Shahrul Nazmi, 2012) dan bilangan majalah humor berkonsepkan infotainment semakin meningkat ("Komik Indie", 2013), ibu bapa dan guru jelas menitikberatkan kewujudan unsur pendidikan untuk bacaan generasi muda. Dengan itu, untuk memahami bagaimana kandungan ilmiah diterapkan dalam komik, kajian ini menganalisa elemen asas komik pendidikan di pasaran Malaysia.



4.0 Objektif

Pemerhatian terhadap lima jenis buku yang mempunyai elemen komik di pasaran dilaksanakan. Tindakan ini bertujuan untuk menyelidik mengenalpasti komponen utama yang wujud dalam komik bersandarkan pendidikan.

5.0 Metodologi

Kajian ini memanfaatkan lima kategori komik pendidikan. Ianya terdiri daripada komik terjemahan dari Korea dan Indonesia, beberapa buku di bawah jenama GempakStarz, Komik-M, dan buku terbitan PTS Sdn Bhd, Blink Books, Galeri Ilmu, Ana Muslim, VC Kreatif, Eastview serta Penerbitan Multimedia. Beberapa contoh buku berdasarkan kategori disenaraikan seperti berikut:

- **Novel grafik tunggal**– Siri Pasukan X-Venture, Ikhtiar Hidup, Kembara Khazanah, Skuad Elit Junior CSI, Selamat Pagi Cikgu, Who? Albert Einstein, Misi 8A, Shootz, Dear Yayah Dalam Dunia Didi.
- **Kompilasi komik** – Aku, Kau dan Bola, Muslim Show, Pesan Nabi, Keluarga Little Sara, Pada Suatu Hari, Ulat Buku, Komik Sains Kuark.
- **Majalah komik**– Ana Muslim, Muslim Teens, Kembara Ustaz, Baguih, Uok.
- **Novel berkomik**– Gadis Basikal, Miss K-Pop, Young Aisyah.
- **Buku teks berkomik**– Komik Sambil Belajar Sejarah, Komik Tatabahasa, Komik Komsas, Syok Belajar Matematik, Syok Belajar Sejarah.

6.0 Hasil Dan Implikasi

Terdapat perbezaan dan juga persamaan antara kelima-lima kategori komik pendidikan yang dipantau. Komponen utama yang ditemui dalam buku yang mengandungi elemen komik diringkaskan dalam Jadual 1.0. Hasil dari kajian ini merumuskan bahawa terdapat dua klasifikasi utama kandungan pendidikan dalam komik yang diterokai. Pertama, kandungan berbentuk fakta atau pengetahuan akademik seperti Sains, Sejarah, Matematik, Geografi, Biologi, Astronomi, Undang-undang, Syariah, biografi tokoh ternama dan sebagainya. Kedua, kandungan yang berperanan membentuk sikap dan keperibadian pembaca seperti nilai murni, motivasi belajar dan sukan, amalan kesihatan, kerohanian serta ketuhanan. Penemuan ini selari dengan definisi komik instructional yang dinyatakan oleh pelopor seni komik antarabangsa, Will Eisner(1985), di mana terdapat dua klasifikasi umum komik pendidikan iaitu kandungan bersifat fakta dan kandungan untuk pembentukan sikap.



Segmen di sebalik tabir dalam beberapa komik pendidikan juga dipersembahkan mengikut format komik. Pengkarya menjalankan penyelidikan rapi terhadap fakta dan informasi sebelum dijelmakan dalam komik mereka. Tindakan ini melibatkan kos dan masa untuk menjelajah ke lokasi dan pusat sumber maklumat. Pemantauan terhadap komik berlandaskan pendidikan juga menemui kewujudan kelompok komik dengan imej dan tema yang lebih feminin. Lebih menarik, walaupun terdapat pengaruh manga (komik Jepun) dari segi rekabentuk dan ekspresi watak dalam komik pendidikan, namun ciri tersebut tidak menjadi halangan untuk pembaca menghargai penerbitan komik dengan imej sedemikian. Dapatan ini memdedahkan bahawa isu gaya lukisan yang tidak menepati identiti Malaysia ditolak tepi apabila kandungan ilmiah menjadi faktor yang lebih penting dalam pemilihan dan penghasilan komik pendidikan.

Buku yang dipilih berdasarkan pemantauan di gedung buku masakini di mana bahan bacaan dalam senarai di atas disusun pada rak kategori komik, majalah, kanak-kanak, remaja dan buku rujukan.



Jadual 1.0: Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia

Jadual 1.0 E l e m e n dalam komik pendidikan p a s a r a n Malaysia	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	
Jadual 1.0 E l e m e n dalam komik pendidikan p a s a r a n Malaysia	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<p>Mempunyai sub-tajuk, label atau sticker bagi mencuri tumpuan pembaca dengan ungkapan menunjukkan bahawa kandungan komik mempunyai unsur pendidikan.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • "Komik Sains, Pendidikan & Menghiburkan" • "Komik Info Luar Buku Teks" • "Eksplorasi Pendidikan Alam Haiwan" • "Rangsang Kepintaran Anda" • "Komik Sains Ekologi Ikhtiar Hidup" • "Kenali Zaman Prasejarah Bumi" • "Komik Info Santai" • "Kuasai Sains Dengan Logika" • "Direkomen Ibu bapa dan guru" <p>Testimoni positif dari tokoh berwibawa terpapar sama ada pada kulit hadapan atau belakang.</p>
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Informasi berilmiah diselitkan dalam cerita dan situasi dilalui watak. • Wujud muka surat berasingan tanpa panel komik bertujuan untuk refleksi dan dipersembahkan ibarat ensiklopedia mini. • Mempunyai soalan uji minda. • Menyajikan kandungan saintifik, teknikal, tips belajar, sukan, biografi, dan kesihatan. • Perlakuan watak memperlihatkan teknik dan langkah untuk skor dalam peperiksaan.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Gaya persembahan pengaruh manga Jepun dan manhwa Korea dari segi rekabentuk watak dan ekspresi. • Lukisan kartun stylized.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	Naratif yang menghiburkan merupakan penggerak utama komik manakala kandungan ilmiah lebih bersifat secondary.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	Penggunaan Bahasa Melayu mudah dan santai tanpa bahasa rojak. Wujud perkataan bahasa Inggeris tidak rasmi yang diterjemah ke bahasa Melayu. Contoh: Klu, Rekomen dll



Jadual 1.0 E l e m e n dalam komik pendidikan p a s a r a n Malaysia	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Tajuk komik dengan kata kunci berkaitan aktiviti sekolah. Mempunyai label umur sasaran pembaca.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Motivasi untuk gigih belajar tanpa putus asa serta situasi sekolah yang menarik dipaparkan. Mempupuk semangat kesukanan. Hadis sebagai judul komik loose. Bertemakan kerenah, kasih sayang kepada keluarga, persahabatan, interaksi muslim dengan bukan muslim. Wujud muka surat ruang khas tips, renungan, cerpen pendek, teka silang kata dan juga aktiviti mini. Kandungan saintifik dan teknikal tidak begitu menonjol berbanding komik kategori novel grafik tunggal.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	Dengan gabungan beberapa artis komik, siri komik berasingan mempunyai gaya unik tersendiri termasuk stail yang dipengaruhi manga. Cerminan budaya lebih tepat dan rapat kepada kehidupan harian rakyat Malaysia.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Bagi komik pendek, naratif merupakan penggerak utama komik dalam meneguhkan nilai moral dan sikap positif. Komik loose dihipunkan dari majalah komik berasaskan kesinambungan watak ataupun ilustrator suatu segmen.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	Keseimbangan Bahasa Melayu mudah ditemui di samping ragam bahasa seperti penggunaan dialek, pelat bahasa asing, kiasan, dan singkatan mirip kepada bahasa lisan dalam perbualan sebenar.
Jadual 1.0 E l e m e n dalam komik pendidikan p a s a r a n Malaysia	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<p>Terdapat kombinasi ilustrasi kartun bersama foto atau grafik abstrak. Mempunyai slogan pembentukan sikap dan amalan pembaca. Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> "Inspirasi Peribadi Mulia" "Komik Islamik" "Jangan Takut Buat Baik" "Majalah Komik Dakwah Terkini"
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Perlakuan harian watak yang sentiasa menilai diri serta mengingati Tuhan dalam apa jua bentuk tindakan. Kandungan syariah juga dimuatkan.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	Ilustrasi kartun mempunyai stail unik. Sedikit pengaruh manga juga dikesan dari segi rekabentuk watak.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Terdiri daripada komik pendek bersiri dan loose. Kisah kehidupan berlandaskan kitab Al-Quran sangat dititikberatkan.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	Dari segi bilangan muka surat, ruangan editorial sama ada seimbang ataupun lebih banyak berbanding komik.



Jadual 1.0 E l e m e n dalam komik pendidikan p a s a r a n Malaysia	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	Mempunyai label 'nomik' iaitu singkatan dari perkataan novel dan komik.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	Nilai moral yang hampir sama dengan kompilasi komik.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	Seperti kompilasi komik, lukisan mengikut gaya unik artis.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Tema persahabatan, kekeluargaan, keagamaan dan cinta awal remaja. • Komik bersifat sampingan merealisasikan babak paling menyerlah dalam novel.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu aras tinggi diutamakan.
Jadual 1.0 E l e m e n dalam komik pendidikan p a s a r a n Malaysia	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Judul dengan nama mata pelajaran rasmi di sekolah. • Menyatakan sasaran pembaca berdasarkan sistem sekolah.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Lebih menepati silibus yang diamalkan di sistem persekolahan, nota dan mempunyai bahagian soalan mengikut format peperiksaan. • Belon pertuturan(speech baloon) dilabel dengan nombor turutan untuk membantu pembacaan bagi orang yang kurang berpengalaman membaca komik. • Panel digunakan untuk membahagi dan menyusun kandungan akademik.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	Bersifat generik dan juga semi realistik mirip kepada ilustrasi dalam buku teks sekolah.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Buku teks yang meminjam elemen komik tanpa naratif atau penekanan jelas terhadap mana-mana watak. • Siri komik dipecahkan mengikut topik dalam silibus pembelajaran.
	Jadual 1.0 Elemen dalam komik pendidikan pasaran Malaysia	Selain komik, kandungan pendidikan disampaikan dalam bentuk grafik lain seperti rajah, peta minda, jadual dan lain-lain.

7.0 Perbincangan

Implikasi dapatan kajian menyimpulkan bahawa tema dakwah dan pendidikan berkait rapat dengan keperluan tumbesaran mental kanak-kanak serta remaja. Menyedari potensi komik dengan tema tersebut, pihak Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) melahirkan galakan agar komik menjadi sebahagian daripada bahan sampingan dalam aktiviti pembelajaran di sekolah (Bernama ,2011).

Sebelum itu, Ainon(2010) mendedahkan bahawa komik yang mematuhi syariah dari sudut cerita dan



lukisan berjaya menarik kepercayaan dari ibu bapa dan guru-guru terhadap produk mereka. Stigma negatif terhadap komik telah ditepis dengan jayanya. Sambutan yang memuaskan dalam pertandingan komik dakwah anjuran persatuan PEKOMIK ("Pekomik", 2014) menggambarkan sokongan komuniti komik terhadap komik pendidikan.

Kajian ini juga telah menggariskan beberapa elemen pendidikan yang terselit di dalam komik. Meskipun begitu, penyelidik menyarankan analisa lanjutan berbentuk teoritikal, kuantitatif serta kualitatif yang lebih mendalam melibatkan pembaca dan karyawan komik perlu diimplemen. Antaranya, penyelidikan masa hadapan terhadap komik pendidikan dalam konteks Malaysia hendaklah mengambil kira persoalan berikut:

- Sejauh mana penerimaan komik pendidikan oleh pembaca umum, peminat komik dan warga industri komik?
- Sejauh mana kesedaran ramai atas penerapan unsur pendidikan dalam komik membantu meningkatkan mutu jualan komik?
- Sejauh mana faktor jantina mempengaruhi pilihan dan pembangunan komik pendidikan?
- Sejauh mana keberkesanan kandungan akademik dalam komik pendidikan membantu meningkatkan kualiti pembelajaran?
- Sejauh mana keberkesanan kandungan pembentukan sikap dalam komik pendidikan membantu membina sahsiah pembaca?
- Sejauh mana unsur hiburan dan ilmiah saling berinteraksi dalam komik pendidikan?
- Sejauh mana lambakan komik berlabelkan pendidikan memberi kesan terhadap komik hiburan yang kurang menekankan unsur pendidikan tapi lebih fokus kepada penceritaan kompleks ataupun eksperimental?
- Sejauh mana keberkesanan komik pendidikan sebagai platform atau batu loncatan kepada pengkarya baru untuk bertapak dalam industri komik?
- Sejauh mana peraturan yang lebih ketat dalam kandungan komik pendidikan menghadkan kreativiti penggiat komik?

Hasil daripada kajian yang bercorak multi disiplin seperti dicadangkan boleh menjadi rujukan dalam mengenalpasti risiko dan cabaran yang bakal dihadapi pengkarya komik pendidikan tempatan. Tidak lupa juga, segenap penggiat komik masih mengekalkan pendirian bahawa mengejar jualan komik atau meraih sokongan masyarakat bukanlah matlamat utama untuk mereka berkarya, tetapi lebih kepada menyuarakan luahan peribadi mereka terhadap suatu idea atau isu.



Peningkatan pesat komik pendidikan telah membuktikan ianya adalah salah satu kaedah yang berkesan dalam membantu menangani sentimen negatif umum terhadap komik. Walaupun begitu, ia tidak wajar dinobatkan sebagai kaedah yang muktamad malahan hanya sebagai salah satu alternatif kepada ikhtiar sedia ada. Mendidik masyarakat agar berprasangka positif terhadap komik merupakan satu usaha yang menyeluruh.

Ini termasuklah pelaksanaan pameran ("Pameran", 2015), bengkel, pertandingan, forum ilmiah, anugerah, festival bagi mempromosi komik secara konsisten. Model perniagaan seperti Comixology (Stevens & Bell, 2012) boleh dicontohi bagi mendekati generasi digital. Pemberian geran ribuan ringgit untuk pembangunan komik interaktif ("MdeC", 2011), seminar dan projek komik digital Android di Universiti Malaysia Kelantan (Yulpisman, 2013) serta pelancaran persidangan akademik pertama yang mengiktiraf komik di Malaysia ("International Conference", 2014) melambangkan bidang komik diberi perhatian yang kian serius. Ini menunjukkan kaedah memajukan industri komik memerlukan pembabitkan banyak pihak dalam melonjakkan status komik tanah air.

Kaedah memupuk minat terhadap komik dengan mengadaptasi komik dari filem, rancangan popular atau sebaliknya boleh terus diteroka seperti yang dilaksanakan terhadap komik Upin dan Ipin, Bola Kampung, Anak-anak Sidek, Kluangman dan JoeJambul biarpun menerima persaingan luar seperti majalah kanak-kanak Disney Princess, Marvel dan lain-lain lagi. Pengintegrasikan komik dalam persekitaran pembelajaran formal seperti bilik darjah dan sesi kuliah (Farah, Syamsul dan Norshuhada, 2014) juga mampu menimbulkan kesedaran umum terhadap kemampuan komik menjana minda pembaca.

8.0 Kesimpulan

Dapatan dari kajian ini merumuskan bahawa kandungan komik pendidikan boleh diklasifikasikan kepada dua kategori umum iaitu kandungan berbentuk fakta atau pengetahuan akademik dan kandungan bertujuan untuk pembentukan sahsiah atau peribadi pembaca. Penemuan ini selari dengan ciri komik instructional oleh pelopor seni komik antarabangsa, Will Eisner. Beberapa penyelidikan lanjutan terhadap komik pendidikan juga telah dicadangkan dalam artikel ini. Pendedahan dan data rasmi daripada syarikat penerbitan komik yang dikongsi dalam kajian akan datang mampu menjadi sumber bagi melihat sejauh mana penerimaan komik pendidikan oleh orang awam dan warga industri komik serta implikasinya terhadap nilai beli suatu judul komik di Malaysia.

Komik pendidikan mempunyai harapan yang cerah hasil dari faktor tabiat membaca masyarakat majoriti dan kandungannya yang menepati perkembangan intelektual dan emosi golongan kanak-kanak dan remaja. Dalam perjuangan memantapkan warisan seni ini, usaha bersepadu dari semua pihak sentiasa menjadi agenda utama agar martabat tertinggi komik tercapai sehingga suatu tahap di mana profesion sebagai penggiat komik profesional adalah satu kebanggaan dan impian ramai serta mempunyai masa depan yang jelas terjamin.



Rujukan

- Ainon M. (2010, November 25). Universiti Terbuka PTS. Retrieved May 30, 2014, dari http://universitipts.com/index.php/site/comments/iklan_3_ust_pts_menaikkan_jualan_komik-m/
- Aswany, O. (2012, November 4). Sinar Harian. Retrieved May 30, 2014, dari <http://www.sinarharian.com.my/obses-komik-komik-juga-ada-kebaikan-1.100788>
- Bernama (2011, June 1). Minda: Komik bentuk minda kreatif. myMetro. Retrieved dari http://www.hmetro.com.my/articles/Minda_Komikbentukmindakreatif/Article/
- Eisner, W. (1985). *Comics and Sequential Arts*. Florida: Tamarac
- Farah, N. A., Syamsul, B. Z., & Norshuhada S. (2014). *Exploring Digital Comics as an Edutainment Tool*. In Knowledge Management International Conference (KMICe) 2014, 12 – 14 August 2014, Kedah, Malaysia.
- Identiti Melayu 'modal' berjaya. (2013, March 2). Utusan Online. Retrieved from http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20130302/sa_03/Identiti-Melayu-'modal'-berjaya
- Inderjit, S. (2014). *Reading Trends And Improving Reading Skills Among Students In Malaysia*. International Journal of Research In Social Sciences, 3(5), 70–81
- International Conference on Cyberology (ICCA2014). (2014, March 24). Retrieved May 20, 2014, from <http://internationalconferencecyberology.wordpress.com/2014/03/26/294/>
- Komik indie pilihan baharu. (2013, March 2). Utusan Online. Diambil daripada http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20130302/sa_04/Komik-indie-pilihan-baharu
- Laila, N. (2012, August 3). Malaysia Kritis. Diambil pada 30 Mei, 2014, daripada <http://nadirakyatmalaysia.blogspot.com/2012/08/komik-pesong-akidah-dijual-luar-pagar.html>
- Lent, J. A. (2014). *Southeast Asian cartoon art: History, trends and problems*. Jefferson, North Carolina: McFarland & Company, Inc., Publishers.
- Lopes, P. (2006, September). *Culture and stigma: Popular culture and the case of comic books*. In Sociological Forum (Vol. 21, No. 3, pp. 387-414). Kluwer Academic Publishers-Plenum Publishers.
- MDeC bakal beri geran RM1.9 juta. (2011, April 28). Utusan Online. Diambil daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0428&pub=Utusan_Malaysia&sec=Korporat&pg=ko_01.htm
- Mintel (2008, October). Market Research World. Diambil pada 30 Mei, 2014, daripada <http://www.marketresearchworld.net/content/view/2383/77>



Muliyadi, M. (2007). *Gaya dan tema kartun editorial melayu sejak 1990* (600-IRDC/SSP.5/3/1518). Malaysia: Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Nor Azleenda, A. H. (2012, July 1). *Komik Bukan Sekadar Bahan Bacaan Picisan*. Diambil pada 30 Mei, 2014, from <http://pbahasa.dbp.my/wordpress/?p=417>

Nor Shahriza, A. K., Amelia, H. (2007). *Reading habits and attitude in the digital age: Analysis of gender and academic program differences in Malaysia*. *Electronic Library*, 25(3) 285 - 298

O'Leary, S. (2013, July 10). *Publishers Weekly*. Diambil pada 30 Mei, 2014, dari <http://www.publishersweekly.com/pw/by-topic/industry-news/comics/article/58161-comics-retailers-upbeat-on-2013-sales-digital-indie-comics.html>

Pameran Lagi Lagi Gila Gila imbau nostalgia pembaca (2015, May 29). Diambil dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pameran-lagi-lagi-gila-gila-imbau-nostalgia-pembaca-61064>

Pekomik: Persatuan Penggiat Komik Malaysia. (2014, May 30). Diambil pada 30 Mei, 2014, from <http://www.pekomik.org.my/2014/05/senarai-penuh-nama-nama-peserta-cabaran.html>

Stevens, J. R., & Bell, C. E. (2012). *Do Fans Own Digital Comic Books ? Examining the Copyright and Intellectual Property Attitudes of Comic Book Fans*. *International Journal of Communication*, 6(22), 751–772.

Siti Ezaleila, M., & Shahrul Nazmi, S. (2012). Majalah sebagai bahan bacaan KanaK-Kanak: *Analisis elemen editorial terhadap Kuntum, E-Baca dan Ana muslim*. *Malaysian Journal of Media studies*, 14(2), 55-65.

Ultraman The Ultra Power diharamkan (2014, March 8). *Utusan Malaysia*. Diambil dari http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140308/dn_12/Ultraman-The-Ultra-Power-diharamkan

Yang, G. (2008). *Graphic novels in the classroom*. *Language Arts*, 85(3), 185.

Yildirim, A. H. (2013). *Using Graphic Novels in the Classroom*. *Dil ve Edebiyat Eğitimi Dergisi Sayı 8/Yıl 2013*, 52, 118-131.

Yulpisman A. (2013, August 14). *UMK ceburi industri aplikasi*. *Utusan Online*. Diambil dari http://www.utusan.com.my/utusan/Kampus/20130814/ka_05/UMK-ceburi-industri-aplikasi

Ziolkowska, S., & Howard, V. (2010). *Forty-one-year-old female academics aren't supposed to like comics!. The Value of Comic Books to Adult Readers', in Graphic Novels and Comics in Libraries and Archives: Essays on Readers, Research, History and Cataloging*, ed. by Robert G. Weiner (Jefferson, NC: McFarland, 2010), 154-66.

